



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000  
Fax : 03 6204 6801  
Portal : [jpwpkl.moe.gov.my](http://jpwpkl.moe.gov.my)

Rujukan Kami : JPNWP.700-2/3/1 Jld.7 (K5)  
Tarikh : 23 Jun 2020

Semua Pengetua/Guru Besar  
SMK/SK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan,

## PROGRAM RIMBUNAN KASIH (GEROBOK REZEKI) DAN PEMBUGARAN ZIARAH CAKNA DI MUSIM COVID-19 MENGIKUT SOP (KUNJUNGAN KASIH BERFOKUS)

Dengan sukacitanya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan **amat menggalakkan** semua sekolah di Kuala Lumpur menjalankan **Program Rimbunan Kasih (Gerobok Rezeki)** bermula **Jun 2020**. Program ini adalah bertujuan bagi mengurangkan kadar ponteng sebagai magnet penarik murid suka datang ke sekolah, menunjukkan keprihatinan pihak sekolah, memberikan bantuan di musim PKP dan menunjukkan sikap penyayang sekolah kepada murid. Selain itu, program ini juga adalah salah satu penghubung projek bersama bagi merapatkan hubungan di antara PIBG, PIBK dan rakan strategik dengan warga sekolah. Semua sekolah juga diwajibkan meneruskan program ziarah cakna dan kunjungan kasih berfokus mengikut SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara bagi menghindari wabak Covid-19. Pelaporan bagi Rimbunan Kasih, Ziarah Cakna dan sebarang bentuk bantuan secara atas talian, contohnya seperti memasukkan wang dalam akaun murid akan diambil setiap bulan oleh Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan kerana program-program ini adalah merupakan KPI dalam Pelan Strategik Unit Hal Ehwal Murid demi pembangunan murid.

3. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk lampiran yang diberikan bersama surat. Sila hubungi Cik Junaida binti Mohamed Jonet, Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui talian 03-6204 6085 untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

( MAZNAH BINTI ABU BAKAR, ANS ; PMC )  
Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

s.k : Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid  
Pegawai Pendidikan Daerah Bangsar & Pudu/Keramat/Sentul  
Ketua Penolong Pengarah HEM

**PROGRAM RIMBUNAN KASIH (GEROBOK REZEKI) DAN PEMBUGARAN ZIARAH  
CAKNA DI MUSIM COVID-19 MENGIKUT SOP (KUNJUNGAN KASIH BERFOKUS)**

---

**1 TAJUK**

PROGRAM RIMBUNAN KASIH

**2 TARikh / TEMPAT**

April sehingga November 2020 di semua sekolah Kuala Lumpur

**3 KUMPULAN SASARAN**

- 3.1 Murid-murid yang mempunyai isu disiplin dan ponteng
- 3.2 PIBG , PIBK , rakan strategik, AJK Kebajikan dan bantuan

**4 TUJUAN**

- 4.1 Sekolah membudayakan amalan bantuan, suka bersedekah dan menjadi magnet untuk murid suka datang ke sekolah

**5 OBJEKTIF KUALITI**

- 5.1 Memupuk budaya suka memberi, membantu dan bersedekah di sekolah.
- 5.2 Menyemai amalan baik kepedulian dan kerjasama dalam kalangan warga sekolah.
- 5.3 Mewujudkan kerjasama yang erat di antara sekolah dengan PIBG dan rakan strategik.
- 5.4 Memperkasakan revolusi cicir dan mengurangkan masalah ponteng serta isu disiplin.
- 5.5 Memupuk budaya saling mengambil berat di sekolah.

## **PROGRAM RIMBUNAN KASIH (GEROBOK REZEKI) DAN PEMBUGARAN ZIARAH CAKNA DI MUSIM COVID-19 MENGIKUT SOP (KUNJUNGAN KASIH BERFOKUS)**

---

### **6 KPI**

- 6.1 Indikator *Output* : Penglibatan 100% sekolah  
6.2 Indikator *Outcome* : Kemenjadian murid tercapai

### **7 IMPLIKASI KEWANGAN**

Tiada

### **8 JAWATANKUASA**

Jawatankuasa di sekolah masing-masing

### **9 STRATEGI PELAKSANAAN**

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	Jun 2020	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyediaan kertas kerja</li><li>• Pelancaran dan bermula program</li><li>• Perbincangan jawatankuasa kerja pihak sekolah</li></ul>	
3.	September 2020	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemantauan / bimbingan kepada sekolah</li></ul>	
4.	Jun-November 2020	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kutipan data pelaksanaan</li></ul>	

## **PROGRAM RIMBUNAN KASIH (GEROBOK REZEKI) DAN PEMBUGARAN ZIARAH CAKNA DI MUSIM COVID-19 MENGIKUT SOP (KUNJUNGAN KASIH BERFOKUS)**

---

### **TATA CARA PROGRAM RIMBUNAN KASIH**

1. Mewujudkan gerobok rezeki di sekolah dengan kerjasama PIBG, PIBK dan rakan strategik
2. Mempromosikan dan melancarkan program ini
3. Mewujudkan tatacara bagaimana gerobok rezeki boleh diambil oleh murid.
4. *Contoh* : Murid yang mengambil sumbangan di gerobok rezeki harus menulis nama dan kelas

*Contoh* : Mewujudkan pengawas Rimbulan Kasih untuk menjaga gerobok rezeki

5. Menjalankan peringatan berkala supaya gerobok rezeki sentiasa dipenuhi dengan barang sumbangan.
6. Mengambil barang di gerobok rezeki mengikut SOP di musim PKP dan wabak Covid-19

### **10 JADUAL / TEMPAT**

Di semua sekolah seluruh Kuala Lumpur

### **11 PELAN PENGURUSAN RISIKO**

<b>Bil.</b>	<b>Aspek / Risiko</b>	<b>Tindakan Menangani Risiko</b>
1.	Sumber Barang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Barang sumbangan sukar diperolehi</li><li>• Promosi</li><li>• Bantuan rakan strategik yang lain</li></ul>

### **12 PEMANTAUAN**

Pemantauan dilaksanakan melalui semakan Dokumen Kualiti MS ISO 9001 : 2015.

## **13 JUSTIFIKASI**

- 13.1 Program Rimbunan Kasih adalah bertujuan bagi mengurangkan masalah ponteng dan murid suka pergi ke sekolah.
- 13.2 Program Rimbunan Kasih dapat mengeratkan kerjasama dan hubungan di antara sekolah, PIBG, PIBK dan rakan strategic

## **14 PROGRAM RIMBUNAN KASIH (GEROBOK REZEKI) DAN PEMBUGARAN ZIARAH CAKNA DI MUSIM COVID-19 MENGIKUT SOP (KUNJUNGAN KASIH BERFOCUS)**

---

### **SOP ZIARAH CAKNA DAN KUNJUNGAN KASIH BERFOCUS SEWAKTU WABAK COVID-19 (PKP)**

1. Sebelum pergi ke rumah murid pastikan mendapatkan persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga.
2. Pergi atas dasar keprihatinan dan tidak menyusahkan ibu bapa atau penjaga murid.
3. Tiada paksaan untuk pihak sekolah memberikan hadiah sewaktu menziarahi.
4. Pergi dengan memakai penutup muka, membawa cecair pembersih tangan (hand sanitizer) dan penyukat suhu ke rumah murid sebagai persediaan jika rumah murid tidak mampu menyediakan.
5. Pastikan jarak 1 meter setiap orang dan tidak boleh 5 orang dalam satu rumah mengikut saiz dan juga keadaan rumah